

Media Title : Berita Harian
Headline : AFFIN taja projek bersih, pemulihan Sungai Klang
Date : 29 May 2024
Section : Bisnes
Page : 25



AFFIN taja projek bersih, pemulihan Sungai Klang

Inisiatif bersama LLSB, The Ocean Cleanup dilaksana menerusi operasi Interceptor 002

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Affin Bank Bhd (AFFIN) komited dalam membantu inisiatif berkaitan dengan kelestarian seiring dengan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan menaja projek pembersihan serta pemulihan Sungai Klang melalui operasi Interceptor 002.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AFFIN, Datuk Wan Razly Abdullah, berkata kumpulan perbankan itu berbesar hati untuk terbabit dalam inisiatif itu bersama Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) dan The Ocean Cleanup, sekali gus membolehkan semua pihak dapat bertukar pengetahuan, data serta pandangan untuk memacu kemajuan.

"Ini selaras dengan Pelan AFFIN Axelerate 2028 (AX28), tonggak Perbankan Bertanggungjawab dengan Impak ESG. Ia mencerminkan semangat kami untuk memberikan perkara yang lebih baik," katanya selepas majlis penajaan dan lawatan ke Interceptor 002 di Klang, semalam.

Wan Razly berkata, AFFIN adalah rakan bank pertama yang menyokong operasi pembersihan



Wan Razly (kiri) bersama Syaiful Azmen (dua dari kanan); EXCO Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim (dua dari kiri) dan Pengurus Affin Bank, Datuk Agil Natt (tiga dari kiri) pada majlis penajaan dan lawatan ke Interceptor 002 di Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

dan pemulihan Interceptor 002 di sepanjang 56 kilometer terakhir Sungai Klang.

Pembersihan lebih cepat

Beliau berkata, kerjasama itu dapat memajukan usaha meningkatkan kesedaran dan pembelajaran mengenai pemuliharaan sungai, pencegahan banjir serta pemuliharaan ekosistem sekitar yang seterusnya akan memberikan impak positif bukan saja kepada alam sekitar, tetapi masyarakat setempat di sepanjang Sungai Klang.

Katanya, Interceptor 002 yang dibangunkan oleh The Ocean Cleanup mempunyai sistem automasi menggabungkan pemprosesan pintar dan mekanik berkuasa so-

lar yang dapat mengumpul sisa plastik dan serpihan lain dari sungai menggunakan tali pinggang penghantar.

"Interceptor 002 membantu meningkatkan kecekapan pembersihan sedia ada, menjadikan kerja pembersihan yang lebih cepat dan lebih berskala.

"Sehingga kini, lebih daripada dua juta kilogram sampah sudah dialihkan oleh Interceptor 002. Dengan sokongan AFFIN, kami menjangkakan bahawa ia akan terus memainkan peranan penting dalam usaha pembersihan sungai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Landasan Lumayan, Syaiful Azmen Nordin, berkata kerjasama pihak awam dan swasta adalah

penting untuk memastikan setiap perkara dapat mencapai hasil yang mampan kepada komuniti, ekosistem dan ekonomi dalam jangka masa panjang.

"Kami berterima kasih kepada syarikat swasta seperti AFFIN kerana komitmen untuk memberi impak positif dalam komuniti dan berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada perubahan ini melalui projek Gerbang Maritim Selangor (SMG)," katanya.

Interceptor 002 terletak di hulu sungai di belakang Masjid Bandar Diraja Klang yang juga satu daripada inisiatif di bawah projek SMG untuk melaksanakan pemulihan dan usaha pembangunan di sepanjang 56 kilometer terakhir Sungai Klang.